

PM lantang bangkitkan isu keselamatan pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS

Subang: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang membangkitkan isu keselamatan serantau dan dunia pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat (AS) di Washington, selain agenda perdagangan dan pelaburan, selamat tiba di tanah air, semalarh.

Ketibaan beliau dan delegasi di Lapangan Terbang Subang disambut sekitar 400 orang, termasuk yang membawa membawa kain rentang, antaranya bertulis 'DSIS lantang perjuangankan rakyat Palestin di depan pemimpin dunia', 'Salute keberanian YAB PM tak gentar perjuangankan isu keamanan depan pemimpin dunia' dan 'Thank you PM DSIS less talk, more action' diiringi lagu patriotik 'Inilah Barisan Kita'.

Dalam Sidang Kemuncak Khas ASEANAS yang dipengerusikan Presiden Joe Biden, Ismail Sabri

telah membangkitkan isu keselamatan serantau dan dunia, meminta AS dan negara-negara ASEAN lain bekerjasama mencari jalan penyelesaian terhadap konflik Ukraine-Rusia, isu Palestin, Myanmar dan Laut China Selatan.

BERNAMA melaporkan, Perdana Menteri menegaskan, konflik-konflik berkenaan bukan sahaja menjejaskan ekonomi dunia, tetapi juga mengorbankan rakyat yang tidak berdosa, sekali gus menggesa AS menggunakan pengaruhnya bagi menamatkan konflik Ukraine-Rusia tanpa menggunakan kaedah peperangan atau konflik bersenjata.

"Ini kerana peperangan tidak memberi faedah kepada mana-mana negara, malah membawa penderitaan kepada rakyat tidak berdosa," kata Ismail Sabri.



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bergambar bersama Keluarga Malaysia sebaik tiba di tanah air pagi semalam, di Pangkalan Tentera Udara Subang, setelah mengakhiri lawatan kerja empat hari ke Amerika Syarikat